

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021  
DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>KEMENTERIAN PENDIDIKAN</b>				
<b>JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN - PERKHIDMATAN</b>				
1	Kursus <i>Signature</i> bagi Kementerian Pendidikan	Pelakuan Organisasi	Program latihan berdasarkan kompetensi ( <i>Competency based training programs</i> ) bagi mengurangkan jurang kemahiran ( <i>competency gaps</i> ) di kalangan warga Kementerian Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaksanaan kursus-kursus khusus bagi warga Kementerian Pendidikan tenaga bukan pengajar;</li> <li>• Sebanyak 18 kursus disasarkan bagi pegawai di tangga gaji B2 dan sebanding;</li> <li>• Sebanyak 12 kursus disasarkan bagi pegawai di tangga gaji B3 dan sebanding;</li> <li>• Sebanyak 5 kursus disasarkan bagi pegawai di tangga gaji Kumpulan;</li> <li>• Sebanyak 5 kursus disasarkan bagi pegawai di tangga gaji <i>Superscale</i>;</li> <li>• Kursus dilaksanakan menggunakan fasilitator yang dilantik daripada syarikat yang berkelayakan dan juga secara <i>in house</i>.</li> </ul>
<b>JABATAN SEKOLAH - SEKOLAH</b>				
2	Pelaksanaan ' <i>School Financial Management Knowledge Hub</i> '	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk mempersiapkan Jabatan Sekolah - Sekolah (JSS) dengan tempat kerja digital yang <i>sophisticated</i>, mencantumkan pelbagai sistem / proses menjadi satu aktiviti kerja yang lancar dan juga mensejajarkan Unit Pemantauan Kewangan Sekolah dengan kecemerlangan organisasi;</li> <li>• Untuk menambahbaik kolaborasi dan penglibatan pekerja selaras dengan Objektif Strategik Ketiga (SO3) Kementerian Pendidikan dengan melaksanakan transformasi digital seperti membuat sistem kolaborasi setempat (<i>centralized collaboration system</i>) yang dapat menyimpan pelbagai jenis fail, senang digelintar dan mendapatkan jawapan dengan cepat dan efisien.</li> </ul>	Salah satu program yang diusahakan Unit Pemantauan Kewangan Sekolah (UPKS) untuk mendokong pencapaian strategi kerajaan Digital 2015-2020 iaitu dengan meningkatkan ' <i>stakeholder engagement</i> '. Program ini memfokuskan kepada pembinaan platform serta menyediakan langkah-langkah untuk meningkatkan komunikasi dua hala ( <i>two-way communication</i> ) diantara Jabatan Sekolah-Sekolah dengan pihak-pihak berkepentingan khususnya pemimpin-pemimpin sekolah. Ianya juga selari dengan <i>Departmental Initiatives 2021</i> untuk memberikan kemudahan kepada pengguna bagi mengatasi kekangan dalam mengakses / mendapatkan maklumat terkini mengenai pengurusan kewangan sekolah dan yang berkaitan dengannya.
3	Talian 'Aafiah	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberikan kemudahan kepada warga sekolah terutamanya guru-guru Hal Ehwal Pelajar, ibu - bapa / penjaga menghubungi dan mengongsikan permasalahan / aduan yang berkaitan dengan kesejahteraan dan kebajikan pelajar;</li> <li>• Sebagai salah satu saluran alternatif untuk memudahkan perhubungan di antara Unit Kesejahteraan dan Perkembangan Pelajar dengan warga sekolah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Talian 'Aafiah adalah merupakan talian yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai dari Unit Kesejahteraan dan Perkembangan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah;</li> <li>• Talian ini dibukakan kepada warga sekolah-sekolah kerajaan termasuk pelajar, guru-guru dan ibu bapa;</li> <li>• Talian beroperasi bermula jam 8.00 pagi hingga 12.15 tengahari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang (kecuali Jumaat, Ahad dan cuti awam);</li> <li>• Setiap panggilan permasalahan / aduan yang diterima akan diambil perhatian dan tindakan oleh Unit Kesejahteraan dan Perkembangan Pelajar. Unit jua akan berhubung dengan agensi-agensinya luar / berkenaan mengikut kesesuaian situasi permasalahan / aduan yang diterima jika ianya berkaitan dengan agensi berkenaan;</li> <li>• Segala maklum balas akan dimaklumkan kepada pemanggil dan setiap masalah / aduan akan dicatat dan direkod dalam <i>log book</i> yang disediakan;</li> <li>• Nombor Telefon <i>Hotline</i> 'Aafiah ialah 7413058.</li> </ul>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021  
DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
4	Talian 'Kalinga'	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Sebagai saluran para pelajar dan ibu bapa untuk meluahkan permasalahan mereka;</li> <li>● Untuk memberikan khidmat nasihat, kaunseling, konsultasi, dorongan dan motivasi dalam menangani situasi atau tekanan emosi, seperti masalah peribadi, keluarga, pembelajaran dan lain-lain lagi.</li> </ul>	<p>Talian Kalinga adalah merupakan talian <i>hotline</i> yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai dari Unit Kaunseling, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah yang profesional dalam bidang bimbingan dan kaunseling.</p> <p>Talian ini dibukakan kepada warga sekolah-sekolah kerajaan termasuk pelajar dan ibu bapa pelajar yang dirujuk oleh guru besar dan pengetua sahaja. Sementara bagi guru-guru yang memerlukan perkhidmatan ini, boleh menghubungi talian tersebut secara sukarela atau dirujuk oleh pemimpin sekolah.</p>
<b>JABATAN PERANCANGAN, PERKEMBANGAN DAN PENYELIDIKAN</b>				
5	Projek Pendigitalan Maklumat	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Meningkatkan dan mengoptimalkan penggunaan ICT kerajaan yang sedia ada sekaligus menjadikannya sebagai '<i>value for money</i>';</li> <li>● Mempersiapkan diri warga Jabatan ke arah era Revolusi Industri 4.0, iaitu transformasi proses-proses manual ke arah pendigitalan maklumat;</li> <li>● Memudahkan perkongsian dan pemberitaan maklumat kepada warga jabatan dengan lebih cepat, tepat dan efisien secara digital melalui platform intranet;</li> <li>● Menjadikan platform intranet sebagai sistem pengarkibian dan <i>back-up</i> secara digital kepada data dan maklumat-maklumat dalam bentuk <i>hardcopy</i>.</li> </ul>	<p>Projek Pendigitalan Maklumat adalah salah satu inisiatif Jabatan ini dalam mendukung usaha Pelan Pendigitalan Transformasi Kementerian Pendidikan yang menggunakan <i>Microsoft SharePoint</i> yang disediakan oleh SEPADU sebagai platform projek ini. Pelaksanaan projek ini terbahagi kepada dua fasa seperti berikut:</p> <p>(a) Fasa Pertama melibatkan pembangunan Intranet Jabatan dan pendigitalan dokumen dan persuratan yang telahpun selesai dilaksanakan pada bulan Disember 2020.</p> <p>(b) Fasa Kedua melibatkan pendigitalan proses-proses manual (<i>digitised workflow</i>) yang dikenali sebagai '<i>e-Correspondence</i>' yang berfungsi sebagai kaedah persuratan secara maya untuk meningkatkan keberkesanan komunikasi secara dalaman atau luaran Jabatan ini bagi mengelakkan terjejasnya operasi (<i>business process</i>) Jabatan yang bermula pada bulan Januari 2021.</p>
<b>JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET</b>				
6	Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Projek Tahunan (JPPT) di Jabatan Perancangan & Pengurusan Estet	Struktur Organisasi	<p>Memantau status fizikal dan kewangan projek bayaran dari masa ke semasa bagi tahun kewangan berkenaan: -</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perbelanjaan Perbekalan / Tahunan             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Lain-lain Belanja Tahunan Yang berulang-ulang (<i>Other Charges Annual Recurrent</i>) bagi 'Pemeliharaan Aset' dan 'Perbelanjaan Operasi',</li> <li>b. Lain-lain Bayaran Perbelanjaan Khas (<i>Other Charges Special Expenditures</i>), dan</li> <li>c. Peruntukan lain seperti rampaian dan sebagainya</li> </ol> </li> <li>2. Membincangkan isu-isu utama yang berbangkit berkaitan perlaksanaan projek. Memperakui cadangan penyelesaian. Melaporkan status penyelesaian pembayaran kepada JPPT. Memantau dan memastikan cadangan penyelesaian menepati sasaran masa bertindak yang ditetapkan. Memastikan</li> </ol>	<p>Jabatan telah mengemaskini pentadbiran mesyuarat projek sebelum ini, kepada Jawatankuasa Pemantauan Projek Tahunan (JPPT) bermula Januari 2021.</p> <p>Teras kepada penubuhan JPPT adalah kearah mendokong salah satu objektif utama Jabatan, iaitu perbelanjaan yang optima dengan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemah. Pengurusan kewangan bagi memastikan pembiayaan projek-projek jabatan adalah bertepatan dengan rancangan penyelenggaraan dan pembinaan, selaras dengan kehendak Peraturan Kewangan. Perkara ini adalah termasuk pemantauan bersistematik kepada perbelanjaan dan memastikan perbelanjaan berhemah (<i>prudent spending</i>).</p> <p>Penubuhan jawatankuasa ini merupakan inisiatif jabatan untuk melancarkan lagi</p>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021  
DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			<p>projek-projek berjalan dan selesai mengikut kontrak;</p> <p>3. Memastikan komitmen dalam bentuk pesanan rasmi (<i>Purchase Order</i>) diselesaikan mengikut selayaknya dalam tahun kewangan berkenaan kecuali atas sebab yang wajar mengikut pertimbangan JPPT. Sekaligus memastikan tidak ada tunggakan yang mana bukan sahaja merugikan Kerajaan bahkan boleh menjejaskan syarikat-syarikat yang melaksanakan projek untuk Kerajaan. Perkara ini termasuk juga memastikan program kerja (<i>work programme</i>) dan <i>s-curve</i> (anggaran perbelanjaan) diselaraskan dari masa ke semasa;</p> <p>4. Menuruti TPOR yang ditetapkan dari mula diiklankan sehingga bayaran terakhir projek serta mematuhi Peraturan Kewangan, klausa-klausa kontrak, pekeliling, dan garispandu-garispandu berkaitan. Penguatkuasaan terma-terma kontrak seperti denda ganti rugi, lanjutan masa, pemutusan kontrak, perubahan pesanan, dan penutupan akaun projek;</p> <p>5. Menyelaras sebarang isu berbangkit dengan pihak-pihak berkenaan (syarikat dan jabatan) dan menyelesaikan masalah kelambatan projek dengan bermuzakarah dan mencari jalan penyelesaian yang teratur dan sempurna;</p> <p>6. Memastikan perbelanjaan peruntukan secara optimal selaras dengan kemajuan fizikal projek termasuk keperluan bayaran kemajuan, pra sebelum terakhir (<i>pre-penultimate</i>), dan sebagainya, serta memastikan perbelanjaan peruntukan yang berhemah.</p>	<p>pelaksanaan projek-projek Kerajaan dibawah Kementerian Pendidikan dan memastikan penyelesaian tunggakan bayaran kepada pihak berkenaan untuk memastikan tidak ada kerugian kepada kerajaan disebabkan oleh kekurangan pemantauan projek dan penyelesaian isu berkaitan kontrak dan pembayaran.</p>
7	Penyediaan <i>Facilities Management Administration Guidelines</i>	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan kontrak dilaksanakan dengan teratur;</li> <li>• Memastikan pengeluaran notis dan penggunaan borang-borang berkenaan dibuat mengikut keperluan undang-undang dan peraturan;</li> <li>• Mengeluarkan satu garispanduan rasmi bagi pentadbiran kontrak <i>facilities management</i> yang boleh digunakan bukan sahaja oleh jabatan ini bahkan untuk jabatan-jabatan, kementerian dan agensi kerajaan yang lain.</li> </ul>	<p>Menyediakan satu rangka garispanduan pentadbiran komprehensif dan manual prosedur kerja bagi kontrak <i>facilities management</i> untuk memudahkan pelaksanaan kontrak dan penyediaan borang-borang untuk digunakan bagi memastikan semua kerja-kerja / perkhidmatan yang termasuk didalam kontrak dilaksanakan secara teratur untuk digunakan oleh jabatan-jabatan, kementerian dan agensi kerajaan yang lain bagi pelaksanaan kontrak <i>facilities management</i> yang teratur.</p>
8	Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Tunggakan Bayaran (JPTB) di Jabatan Perancangan & Pengurusan Estet	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memantau status penyelesaian tunggakan bayaran dari masa ke semasa bagi: - Perbelanjaan Perbekalan / Tahunan</li> <li>a) Lain-lain Belanja Tahunan Yang Berulang-ulang (<i>Other Charges Annual Recurrent</i>) bagi 'Pemeliharaan Aset' dan 'Perbelanjaan Operasi',</li> <li>b) Lain-lain Bayaran Perbelanjaan Khas (<i>Other Charges Special Expenditures</i>)</li> <li>- Perbelanjaan Kemajuan (Rancangan</li> </ul>	<p>Jabatan telah mengemaskini pentadbiran mesyuarat projek sebelum ini, kepada Jawatankuasa Pemantauan Tunggakan Bayaran (JPTB) bermula Januari 2021.</p> <p>Teras kepada penubuhan JPTB adalah kearah mendokong salah satu objektif utama Jabatan, iaitu perbelanjaan yang optima dengan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemah. Pengurusan kewangan</p>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021  
DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			<p>Kemajuan Negara);</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membincangkan isu - isu utama yang berbangkit berkaitan pelaksanaan projek. Memperakui cadangan penyelesaian. Melaporkan status penyelesaian tunggakan kepada JPTB. Memantau dan memastikan cadangan penyelesaian menepati sasaran yang ditetapkan;</li> <li>• Memastikan perbelanjaan dilaksanakan mematuhi dan menuruti Peraturan Kewangan, klausa - klausa kontrak, pekeliling, TPOR dan garispandu - garispandu berkaitan. Penguatkuasaan terma-terma kontrak seperti denda gantirugi, lanjutan masa, pemutusan kontrak, perubahan pesanan, dan penutupan akaun projek;</li> <li>• Menyelaras sebarang isu berbangkit dengan jabatan berkenaan (pengesahan peruntukan, waran, waran tambahan, waran pindah peruntukan).</li> </ul>	<p>memastikan pembiayaan projek-projek jabatan adalah bertepatan dengan rancangan penyelenggaraan dan pembinaan, selaras dengan kehendak Peraturan Kewangan. Perkara ini adalah termasuk pemantauan bersistematik kepada perbelanjaan dan memastikan perbelanjaan berhemah (<i>prudent spending</i>).</p> <p>Penubuhan jawatankuasa ini merupakan inisiatif jabatan untuk melancarkan lagi penyelesaian tunggakan-tunggakan bayaran kepada pihak <i>vendor</i>.</p>
9	Penyediaan <i>Operational Ready Checklist</i> Bagi Sekolah-Sekolah Menengah & Rendah Yang Baru	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keberkesanan penggunaan sekolah yang siap dibina;</li> <li>• Memastikan keperluan, kesejahteraan dan keselamatan pihak sekolah, guru - guru dan pelajar terjamin;</li> <li>• Memastikan sekolah dapat beroperasi sepenuhnya;</li> <li>• Memastikan perabot, peralatan dan perabot makmal disediakan dan ICT berfungsi;</li> <li>• Memastikan maklumat jaminan, manual operasi, pencegahan alat kebakaran dan peralatan yang di sediakan (buatan, model, nombor siri, tarikh mansuh dan lain - lain) didokumensi dan diserahkan kepada pihak sekolah dan JPPE.</li> </ul>	<p>Mulai tahun 2015 projek - projek pembinaan baru sekolah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya secara <i>in house</i> atau menggunakan khidmat Konsultan.</p> <p>Pihak JPPE sebagai penyelaras projek bagi pihak Kementerian Pendidikan</p> <p>Terdapat projek - projek yang telah siap dibina tetapi belum dapat digunakan atau beroperasi sepenuhnya. Borang <i>Operational Ready Checklists</i> bagi projek adalah dihasratkan untuk membantu Jabatan Perancangan &amp; Pengurusan Estet (JPPE) menilai kesiapan projek pembinaan bangunan dan tahap kesediaan sekolah untuk di pakai dan beroperasi dengan sepenuhnya. Di samping itu juga dengan adanya dokumentasi yang lebih teratur ianya akan dapat digunakan oleh pihak pengurus sekolah dalam operasi seharian dan bagi pengurusan pemeliharaan sekolah yang teratur.</p> <p>Kesemua projek adalah dimestikan untuk mengisikan borang berkenaan dan disahkan oleh ketua Jabatan Sekolah Sekolah, Ketua Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet dan Jabatan Pelaksana Jabatan Kerja Raya semasa penyerahan bangunan berkenaan.</p>
<b>JABATAN PERKEMBANGAN KURIKULUM</b>				
10	<i>Financial Literacy Competency Framework for School Children and Adults</i> (BDFLCF)	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebagai rujukan tahap kecekapan kewangan yang ideal bagi semua peringkat kehidupan;</li> <li>• Sebagai panduan kepada pihak Institusi yang memberikan pendidikan kewangan untuk menyediakan bahan pendidikan secara konsisten dan jelas;</li> <li>• Mengenalpasti sebarang jurang berpotensi dalam penyediaan aktiviti pendidikan kewangan semasa;</li> </ul>	<p>Hasil dari permesyuaratan Majlis Kebangsaan Celik Kewangan pada tahun 2017, Kementerian Pendidikan telah dilantik selaku Ketua Peneraju <i>Pillar 1</i> Pendidikan Kewangan dan diberi mandat dalam penyediaan dan penyaluran pendidikan kewangan melalui kurikulum dan program - program pendidikan kepada pelajar - pelajar sekolah rendah, sekolah menengah serta mahasiswa -</p>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021  
DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			<ul style="list-style-type: none"> <li>● Sebagai garis panduan untuk menilai inisiatif celik kewangan.</li> </ul>	mahasiswi institusi pengajian tinggi. Inisiatif utama yang dikendalikan ialah penghasilan Dokumen Kerangka Kecekapan Celik Kewangan Negara Brunei Darussalam bagi Pelajar dan Dewasa (Brunei Darussalam <i>Financial Literacy Framework for School Children and Adult- BDFLCF</i> )
<b>JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK (IBTE)</b>				
11	Pembangunan Rangka Kerja Kecekapan Teras IBTE	Dasar	Objektif Model kecekapan bersesuaian dengan keperluan IBTE ialah untuk menyelaraskan sepenuhnya bakat utama dengan proses pengurusan. Model Kompetensi ini juga menetapkan piawaian untuk setiap pekerjaan dalam organisasi dengan mengenal pasti kemahiran dan kecekapan yang diperlukan untuk berjaya di tempat kerja yang menyumbang kepada kejayaan organisasi. Oleh itu, ia adalah asas kepada beberapa proses sumber manusia. Integrasi Kompetensi Model dalam proses Pengurusan Bakat akan menyediakan rangka kerja penilaian biasa merentas kitaran bakat dan memastikan ketelusan dan konsistensi hasil yang diharapkan.	Model kecekapan adalah asas kepada fungsi pengurusan sumber manusia, menangani dan mengurus isu orang tertentu seperti untuk menambah baik pekerja pembangunan, untuk mengurus prestasi pekerja dengan lebih berkesan, atau untuk membuat keputusan pemilihan pekerja yang lebih baik. Kecekapan mendorong majoriti kejayaan pekerjaan, mengetahui kemahiran utama dan mengukurnya dengan berkesan menjadikan program sumber manusia berfungsi dengan lebih baik. Oleh itu, kecekapan adalah selalunya menjadi penyebut sejagat bagi organisasi untuk mengintegrasikan dan menyelaraskan pelbagai program sumber manusia (seperti reka bentuk kerja, pengambilan, pusat penilaian, pembelajaran dan perkembangan, pengurusan prestasi, pusat pembangunan dan juga perancangan penggantian), selaras dengan visi, misi, nilai dan objektif organisasi.
12	Formalisasi dan Pemusatan Sistem Perakaunan Tabung IBTE	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Bagi meningkatkan sumber pendapatan yang mempunyai kedayatahan yang mampan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan IBTE untuk menyediakan pendidikan dan latihan berkualiti;</li> <li>● Meningkatkan keberkesanaan dalam pemantauan, penyelenggaraan dan mempelbagaikan sumber pendapatan Tabung IBTE;</li> <li>● Meningkatkan keberkesanan penggunaan yang lebih teratur, berintegriti dan berakauntabiliti dengan memastikan perbelanjaan dan adalah sejajar dengan menyumbang ke arah pelaburan masa depan pendidikan dan latihan yang berkualiti;</li> <li>● Mengurangkan kebergantungan kepada bajet kerajaan dan berkebolehan untuk berdikari dalam menjana pendapatan yang mampan pada jangka masa yang panjang.</li> </ul>	Formalisasi dan Pemusatan Sistem Perakaunan Tabung IBTE adalah salah satu inisiatif pihak Institut Pendidikan Teknikal Brunei dalam menaiktaraf pengurusan perakaunan kampus - kampus bagi pengurusan yang lebih kemas, cekap, efisien dan berintegriti. Fasa pertama projek ialah formalisasi pemusatan akaun - akaun dibawah kawalan Institut Pendidikan Teknikal Brunei yang mana struktur kewangan kampus - kampus disejajarkan dan dipusatkan bawah naungan Tabung IBTE dengan memperkenalkan polisi kewangan ( <i>Financial Procedures Manual Tabung IBTE</i> ) yang dikemaskini sejajar dengan tujuan perkembangan pengurusan kewangan IBTE untuk memastikan pengurusan yang lebih cekap dan mampan. Fasa kedua ialah memperkenalkan sistem perakaunan atas talian yang dipantau secara maya dan secara <i>real-time</i> . Pengenalan sistem ini membolehkan pengguna untuk membuat transaksi yang terus direkodkan atas talian dan melalui rangkaian jejak audit ( <i>audit trail</i> ) pemantauan perbelanjaan dapat dibuat terus secara <i>real-time</i> . Fasa ketiga projek memfokuskan kepada stakeholder (para pelajar) iaitu dengan memperkenalkan kemudahan penerimaan pembayaran atas talian menggunakan kemudahan BIBD <i>Bill Payment</i> dan BizNET.

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021  
DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>JABATAN KENZAZIRAN SEKOLAH-SEKOLAH</b>				
13	Merebiu <i>Framework</i> dan Instrumen Sistem Penilaian Keseluruhan Sekolah / <i>Whole School Evaluation (WSE) System</i> untuk edisi 2023	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan standard kualiti penyediaan pendidikan di seluruh negara;</li> <li>• Mengukur perkembangan dan impak pelaksanaan penilaian WSE oleh Jabatan Kenaziran Sekolah - Sekolah (JKSS);</li> <li>• Menyediakan data <i>External WSE</i> untuk rujukan Jabatan dan kegunaan pihak yg berkepentingan bagi mencapai NKPI 1.2.</li> </ul>	Peranan Jabatan sebagai Penjamin Kualiti ( <i>Quality Assurer</i> ) pendidikan dengan memastikan sekolah menyediakan standard kualiti pendidikan yang tinggi menggunakan Sistem Penilaian Keseluruhan Sekolah / <i>Whole School Evaluation (WSE)</i> . Penilaian WSE merupakan sistem untuk memantau sekolah ke arah penambahbaikan sekolah yang menyeluruh. Penilaian menggunakan instrumen WSE menyediakan skor band 1 hingga 5 (tertinggi) berpandukan pembuktian yang cukup dan kukuh. Sekolah juga akan dapat mengenal pasti amalan terbaik dan isu / cabaran utama yang realistik untuk penambahbaikan sekolah secara menyeluruh. Kementerian Pendidikan menetapkan sasaran NKPI 1.2: Sekolah akan mencapai sasaran band prestasi (Band 4 pada tahun 2035) dalam WSE. Penambahbaikan instrumen adalah diperlukan berdasarkan maklumbalas pihak sekolah-sekolah kerajaan yang melaksanakan Penilaian Kendiri Sekolah menggunakan instrument WSE sejak 2018 menyatakan 55 aspek yang dinilai memerlukan masa yang banyak dan komitmen yang tinggi untuk dinilai pada setiap tahun. Dengan itu, JKSS mengambil inisiatif merebiu <i>Framework</i> dan Instrumen WSE disesuaikan dengan keperluan dan kehendak semasa dengan melihat perkembangan dan isu Pendidikan <i>Global</i> .
<b>JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI</b>				
14	ICT Donation Drive	Struktur Organisasi	Mendokong pembelajaran dalam talian ( <i>Online</i> ) serta membantu para penuntut yang kurang berkemampuan dan memerlukan peralatan peranti semasa pandemik COVID-19 di Negara ini.	ICT <i>Donation Drive</i> adalah inisiatif bersama diantara Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Info - Komunikasi dan pihak berkuasa Industri Teknologi Info - Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dalam memberikan peluang kepada orang ramai untuk membuat sumbangan komputer, komputer riba dan tablet bagi mendokong para pelajar yang memerlukan, terutama sekali dalam pembelajaran secara atas talian ( <i>online</i> sewaktu penularan wabak pandemik COVID-19 di Negara ini.
<b>UNIVERSITI SULTAN SHARIF ALI</b>				
15	Sistem Cendana <i>eRetail</i>	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membantu dari segi pengurusan <i>book - keeping</i> rekod bagi setiap hari transaksi Unit Tabung, Bahagian Kewangan bagi penerimaan hasil dan perbelanjaan;</li> <li>• Sebagai satu mekanisme utama pengawalan pengurusan Unit Tabung, Bahagian Kewangan mengikut Peraturan Kewangan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam;</li> <li>• Menganalisis, merekod, merumus semua transaksi yang melibatkan penerimaan hasil, pengeluaran peruntukan dari Tabung;</li> <li>• Sebagai suatu alat kawalan yang mudah dan pengendalian bagi menilai prestasi serta</li> </ul>	Sistem Cendana <i>eRetail</i> merupakan satu sistem yang mula dilaksanakan oleh Unit Tabung, Bahagian Kewangan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali yang pada tahun 2020 yang mana dihasratkan akan dapat membantu dari segi pengurusan kewangan seharian bagi pengeluaran, hasil, rekod, perakaunan, invoice kepada pihak Kerajaan mahupun pihak Swasta, dengan kemas kini secara dalam talian ( <i>online</i> ) pada masa yang sebenar ( <i>real-time</i> ).

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021  
DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			mengambil tindakan penyelarasan atau pembetulan jika ada.	
<b>UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI</b>				
16	UTB Sabbatical Leave Regulations	Dasar	<p>Selaras dengan pelan strategik 2019-2023 UTB nombor 3 <i>translational research</i> dan nombor 4 <i>quadruple helix engagement</i> khususnya objektif strategik 8.0 <i>strengthen impact of applied research</i> dan objektif strategik 11.0 <i>enhance knowledge and technology transfer through quadruple helix engagement</i> serta objektif strategik 12.0 <i>promote synergy between UTB and stakeholders</i>, objektif <i>sabbatical leave</i> atau cuti sabbatikal ini diadakan adalah untuk memberikan peluang kepada tenaga akademik tempatan UTB bagi perkara - perkara seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Untuk melaksanakan kajian penyelidikan dalam bidang pengkhususan tenaga akademik yang berkenaan tetapi bukan untuk tujuan meningkatkan tahap pendidikan;</li> <li>Untuk mengadakan lawatan bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman dalam perkembangan terkini dalam bidang pengkhususan tertentu berkaitan dengan kepakaran tenaga akademik yang memohon;</li> <li>Untuk penyiapan buku serta artikel - artikel yang bermanfaat berkaitan dengan bidang pengkhususan; dan</li> <li>Untuk penempatan dan <i>internship</i> di industri yang berkaitan.</li> </ol> <p>Peluang mengikuti cuti sabbatikal akan memberikan peluang kepada tenaga akademik UTB untuk melaksanakan penyelidikan dalam bidang pengkhususan masing-masing dengan industri - industri yang berkaitan. Ianya juga diharap akan dapat meningkatkan kapasiti tenaga akademik dalam bidang penyelidikan khususnya dan pengajaran amnya sejajar dengan perkembangan industri bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran adalah memenuhi kehendak industri demi melahirkan graduan-graduan yang berdaya tahan, <i>work-ready</i> dan juga <i>future - ready</i>.</p>	<p><i>Sabbatical leave</i> atau cuti sabbatikal bermakna jumlah cuti tahunan yang dibenarkan untuk dikumpulkan dan jumlah cuti tambahan yang dibenarkan untuk tujuan belajar atau penyelidikan selaras dengan pelan strategik Universiti Teknologi Brunei serta menghasilkan kertas penyelidikan atau yang menyumbang kepada strategi universiti secara keseluruhan. Ianya boleh didefinisikan sebagai salah satu bentuk cuti dengan menerima gaji bulanan penuh tetapi bebas daripada semua tugas dan tanggungjawab sebagai pensyarah termasuk semua tugas pentadbiran yang diberikan. Cuti sabbatikal yang diberikan adalah khusus untuk melaksanakan penyelidikan serta tugas dan tanggungjawab berkaitan penyelidikan misalnya menulis buku, jurnal, artikel ilmiah atau penempatan di industri yang berkaitan.</p> <p>Permohonan bagi cuti sabbatikal ini adalah dipersyaratkan bagi tenaga - tenaga akademik yang memenuhi kriteria seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pengajian dan penyelidikan yang dilaksanakan hendaklah berkaitan dengan bidang pengkhususan atau bidang pengajaran tenaga akademik yang berkenaan;</li> <li>Hendaklah memegang kewarganegaraan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam;</li> <li>Hendaklah berkhidmat di Universiti Teknologi Brunei tidak kurang daripada 36 bulan daripada lantikan pertama sehingga tarikh berangkat bagi mengikuti cuti sabbatikal bagi permohonan pertama, dan daripada tarikh melapor diri daripada cuti sabbatikal sebelumnya sehingga tarikh keberangkatan bagi mengikuti cuti sabbatikal seterusnya;</li> <li>Telah diberikan kebenaran untuk mengumpulkan sejumlah cuti tahunan bagi membolehkan tenaga akademik berkenaan untuk mendapatkan cuti tambahan bagi tujuan mengikuti cuti sabbatikal;</li> <li>Bidang pengkhususan bagi mengikuti cuti sabbatikal hendaklah mendapat sokongan daripada Dekan serta kebenaran daripada Naib Canselor;</li> <li>Bidang pengkhususan bagi mengikuti cuti sabbatikal mempunyai kepentingan kepada negara, universiti dan juga tenaga akademik berkenaan.</li> </ol>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021  
DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
17	UTB Scholars Scheme	Struktur Organisasi	<p>Skim UTB <i>Scholars</i> khusus bagi pengajian diperingkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) ini diperkenalkan antara lain bertujuan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Salah satu langkah bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh UTB untuk mendapatkan tenaga akademik tempatan yang berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) terutamanya dalam bidang pengkhususan Kejuruteraan, Perdagangan, Pengkomputeran, Sains Gunaan dan Matematik, dan Rekabentuk;</li> <li>- Menyediakan landasan bagi menggalakkan lepasan Ijazah Sarjana dalam bidang-bidang pengajian yang telah dikenalpasti oleh UTB untuk melanjutkan pengajian mereka di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan kemudian kembali bertugas di UTB sebagai tenaga akademik setelah mereka berjaya memperolehi kelulusan dari pengajian yang mereka ikuti;</li> <li>- Menyediakan satu landasan bagi UTB mendapatkan sumber tenaga pakar akademik tempatan yang berterusan sebagai usaha UTB menjayakan perancangan penggantian (<i>Succession planning</i>) UTB untuk menggantikan tenaga pakar akademik luar negeri yang berkontrak serta tenaga akademik tempatan UTB yang bersara.</li> </ul>	<p>Penerima biasiswa ini adalah calon-calon yang terbaik dipilih dari yang terbaik (<i>crème de la crème</i>) pada setiap tahun, berdasarkan kepada prinsip - prinsip merit dan kesaksamaan. Penerima mesti mempunyai pencapaian akademik ditahap cemerlang, perwatakan dan keperibadian yang baik, menunjukkan potensi sebagai seorang pemimpin, mempunyai keghairahan untuk membuat perubahan, dan mampu memberi komitmen untuk berkhidmat sebagai pemimpin masa depan, antara lainnya.</p> <p>Biasiswa ini membuka jalan kepada pendidikan unggul di universiti - universiti terkemuka luar negara. Ianya juga menyediakan para cendekiawan ini dengan program kemahiran perkembangan peribadi. Para cendekiawan ini juga akan melalui proses latihan secara sistematis bermula dari hari pertama mereka menerima biasiswa tersebut, dan berlanjutan sepanjang tempoh kerjaya mereka. Biasiswa ini merangkumi perbelanjaan pelajar termasuk yuran pengajian, elaun sarahidup dan elaun - elaun yang lazimnya dihulurkan, tiket penerbangan pergi - balik, visa dan pemeriksaan kesihatan. Biasiswa ini akan turut merangkumi <i>mentorship</i>, dan penempatan kerja di dalam negeri dengan kerjasama organisasi lain.</p> <p>Dalam hubungan ini, aliran kerjaya bagi penerima-penerima skim biasiswa berkenaan adalah menuju ke arah aliran kerjaya sebagai tenaga akademik di UTB iaitu khususnya dalam bidang pengajaran dan penyelidikan. Dari perspektif pekerjaan, setelah berjaya menamatkan pengajian, penerima - penerima skim biasiswa adalah layak untuk ditawarkan pekerjaan dan adalah terikat untuk menjadi tenaga akademik di UTB berdasarkan kepada peruntukan jawatan dan keperluan fakulti / sekolah masing-masing. Tempoh yang dijangkakan bagi calon skim biasiswa adalah tiga (3) tahun bagi program Ijazah Doktor Falsafah (PhD).</p>